

# P. Pinang ditempelak isu pembesaran pelabuhan

Oleh MOHD. FIRDAUS ISMAIL

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

**PULAU PINANG 18 Jan.** - Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang menempelak Kerajaan DAP Pulau Pinang berhubung usaha membesarkan pelabuhan di negeri ini yang didakwa tidak mendapat sokongan kerajaan negeri.

Pengerusinya, Datuk Tan Teik Cheng berkata, pihaknya menyedari keperluan berkenaan kerana pelabuhan di Pengkalan Weld di sini mencatatkan peningkatan kemasukan pelancong asing.

Bagaimanapun, katanya, kelulusan pajakan selama 99 tahun untuk projek pembesaran yang menelan kos RM100 juta telah dibatalkan oleh kerajaan negeri pada 2010 tanpa penjelasan lanjut.

"Kami mengemukakan permohonan sejak 2009 dan membayar premium sebanyak RM15 juta un-

tuk Lot 4 (0.81 hektar) dan Lot Sempadan 4 (1.21 hektar) kepada kerajaan negeri, malah telah beberapa kali mengadakan perbincangan. Pada awalnya mereka (kerajaan negeri) bersetuju, namun keputusan itu berubah," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Teik Cheng mengulas kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan negeri, Danny Law Heng Kiang baru-baru ini yang meminta Kerajaan Pusat memperbesarkan pelabuhan berkenaan kerana limpahan kemasukan pelancong ke negeri ini.

Mengulas lanjut, Teik Cheng berkata, ekoran pembatalan kebenaran berkenaan, kerajaan negeri memulangkan semula



TAN TEIK CHENG

wang premium kepada pihaknya.

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan negeri menilai semula keputusan tersebut dan melihat kepada peningkatan pelancongan melalui pelabuhan berkenaan yang melebihi sejut orang tahun lepas sedangkan keluasan sekarang tidak mampu menampung kapasiti itu.

Dalam masa sama, beliau berharap kerajaan negeri tidak terus bermain tarik tali dalam isu berkenaan kerana perkara tersebut menjadi keperluan mendesak sektor pelancongan ketika ini.

"Kami berharap kerajaan negeri bersedia mengadakan perbincangan lanjut tentang pelan pembesaran yang dirancang sejak 2009," katanya.